



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

SIARAN MEDIA

SESI PRA PELANCARAN SAMBUTAN HARI PENJAJA DAN PENIAGA KECIL TAHUN 2020 (HPPK2020) DAN PELANCARAN PLATFORM WARONGRIDER PERINGKAT KEBANGSAAN

PUTRAJAYA, 18 NOVEMBER 2020 – Menyahut Sambutan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil yang jatuh pada 18 November setiap tahun, satu sesi Pra Pelancaran HPPK 2020 dan perasmian Pelancaran Platform Warong Rider Peringkat Kebangsaan telah disempurnakan oleh YB Dato Sri Dr Hj Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada hari ini yang bertempat di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Parcel E, Putrajaya. Perasmian ini turut dihadiri oleh Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia (GPPPKMM), YBhg. Dato' Ramli Noraini; dan Ketua Pegawai Eksekutif WarongRider, Mohd Nadzri Kamarulzaman.

Pra Pelancaran Sambutan Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Kebangsaan Tahun 2020 (HPPK 2020) adalah bagi meraikan golongan penjaja dan peniaga kecil di seluruh Malaysia demi menghargai jasa dan sumbangan golongan ini kepada masyarakat dan pembangunan ekonomi Negara. Penganjuran ini selaras

dengan pengisytiharan 18 November sebagai Hari Penjaja dan Peniaga Kecil yang disambut secara tahunan seperti yang telah diwartakan melalui Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 14 Jun 1995.

YB. Dato Sri Dr Hj Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi dalam sesi yang sama turut mengumumkan perpindahan Bahagian Penjaja dan Peniaga Kecil (BPPK) yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal dan pembangunan penjaja dan peniaga kecil daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) ke Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) berkuat kuasa mulai 1 Ogos 2020.

Penganjuran Pra Pelancaran Sambutan HPPK 2020 ini turut diserikan dengan Pelancaran Platform Digital Warong Rider Peringkat Kebangsaan dan penyerahan *Start-Up Kit* Warong Rider kepada wakil penghantar (*rider*). MEDAC melalui SME Corp telah bekerjasama dengan GPPKMM melalui Program *Micro Connector* dalam memperkenalkan satu platform servis penghantaran Warong Rider yang boleh digunakan oleh semua golongan penjaja dan peniaga kecil di seluruh negara.

Melalui kerjasama ini, *rider* di bawah platform Warong Rider akan dibekalkan dengan *startup kit* (beg penghantaran serta pakaian seragam) bernilai RM250 di mana 70% dari kos tersebut dibiayai oleh SME Corp melalui Program *Micro Connector*. Pembiayaan ini dilihat dapat membantu mengurangkan kos kepada golongan belia B40 yang menyertai platform dan sekaligus membuka peluang kepada mereka menjana pendapatan melalui perniagaan.

Pengenalan kepada khidmat penghantaran baharu iaitu Warong Rider ini bukan sahaja bertujuan membantu usahawan dikalangan Penjaja dan Peniaga kecil dalam menggunakan perkhidmatan mereka, malah menjana peluang pekerjaan kepada rakyat terutamanya belia yang terjejas akibat pandemik COVID 19.

Semenjak tempoh PKP sehingga kini, SME Corp melalui Program Micro Connector telah memperuntukkan dana sebanyak RM875,000 kepada 5,000 *rider* yang bakal menawarkan perkhidmatan penghantaran mereka ke seluruh negara.

Selain daripada bantuan *start up kit* yang ditawarkan oleh SME Corp, agensi MEDAC yang lain iaitu TEKUN Nasional (TEKUN) turut menawarkan peluang pembiayaan di bawah Skim Pembiayaan TEKUN Mobilepreneur 3.0 yang mana rider bagi platform ini berpeluang mendapatkan pembiayaan pembelian dan baikpulih motosikal.

Dibawah program TEKUN, Seramai 2,114 orang riders telah terima pembiayaan berjumlah RM17.5 juta di bawah Program TEKUN Mobilepreneur.

Pembiayaan ini dilihat dapat membantu mengurangkan kos kepada golongan belia B40 yang menyertai platform dan sekaligus membuka peluang kepada mereka menjana pendapatan melalui perniagaan.

YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI